

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 Jld. 1 (3)

14 Ogos 2026
1 Rabiulawal 1448H

PEKELILING AKADEMIK BIL. 7/2026

PELAKSANAAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SELARAS DENGAN PENAMBAHBAIKAN KAWALAN OPERASI KAMPUS DALAM MENANGANI KRISIS TENAGA GLOBAL

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kaedah pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaras dengan Penambahbaikan Kawalan Operasi Kampus Dalam Menangani Krisis Tenaga Global yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2026.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti sentiasa komited dalam menyokong usaha kerajaan ke arah penggunaan tenaga secara cekap dan lestari. Sehubungan itu, beberapa penambahbaikan terhadap operasi kampus telah dipersetujui bagi mengoptimumkan penggunaan utiliti tanpa menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan akademik terutamanya P&P.
- 2.2 Bagi memastikan objektif tersebut tercapai, kaedah pelaksanaan P&P turut diselaraskan dengan mengambil kira keperluan akademik, penggunaan kemudahan makmal serta keberkesanan penyampaian pembelajaran kepada pelajar.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Mulai Semester I Sesi Akademik 2026/2027, pelaksanaan P&P adalah seperti berikut:

- 3.1 **Pelaksanaan Kuliah:** Semua sesi kuliah akan dilaksanakan secara bersemuka dari hari Isnin hingga Jumaat. Walau bagaimanapun, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian boleh diuruskan oleh pensyarah mengikut kesesuaian, tertakluk kepada garis panduan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) yang ditetapkan.
- 3.2 **Operasi Makmal:** Semua makmal akan beroperasi seperti biasa dan pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel (AKF) tidak dibenarkan bagi staf makmal.

3.3 Sesi Viva: Bagi pelajar yang menghantar tesis bermula **1 September 2026, semua sesi viva akan dilaksanakan secara fizikal dan bersemuka** bagi pelajar, penyelia dan pemeriksa dalam. Manakala pemeriksa luar akan menyertai sesi tersebut secara dalam talian. Sekiranya kehadiran fizikal pemeriksa luar diperlukan, permohonan kebenaran hendaklah dikemukakan kepada pihak Dekan untuk pertimbangan dan kelulusan. Bagi mana-mana pelajar yang masih memerlukan sesi viva secara dalam talian sepenuhnya, boleh membuat permohonan kepada pihak fakulti.

3.4 Pengurusan Operasi Fakulti: Operasi fakulti berjalan seperti biasa. Pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel (AKF) adalah seperti yang dibenarkan iaitu pada hari Selasa dan Khamis, tertakluk kepada kesesuaian tugas serta kelulusan Ketua PTJ masing-masing.

4.0 PENUTUP

Universiti percaya bahawa kejayaan pelaksanaan penambahbaikan ini bergantung kepada kerjasama semua warga universiti dalam membudayakan penggunaan tenaga secara berhemah tanpa menjejaskan kecemerlangan akademik. Pendekatan yang dilaksanakan ini merupakan usaha kolektif universiti dalam menyokong agenda kelestarian kampus dan memastikan penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran terus berlangsung dengan berkesan, fleksibel dan berkualiti.


Sekian untuk makluman dan tindakan semua pihak yang berkaitan.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 Jld. 1 (3)

14th August 2026
1 Rabiulawal 1448

ACADEMIC CIRCULAR NO. 7/2026

IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING (T&L) IN ACCORDANCE WITH THE REFINED CAMPUS OPERATIONAL MEASURES IN RESPONSE TO THE GLOBAL ENERGY CRISIS

1.0 PURPOSE

This Circular serves to inform all members of the University community of the implementation of the Teaching and Learning (T&L) arrangements at Universiti Teknologi Malaysia (UTM), in line with the **Enhanced Campus Operational Measures to Address the Global Energy Crisis, effective 1 August 2026.**

2.0 BACKGROUND

- 2.1 The University remains committed to supporting the Government's initiatives towards efficient and sustainable energy consumption. In this regard, several enhancements to campus operations have been introduced to optimise the utilisation of utilities without compromising the continuity and quality of academic service delivery, particularly Teaching and Learning (T&L).
- 2.2 To ensure that these objectives are achieved, the implementation of Teaching and Learning (T&L) activities has also been aligned by taking into consideration academic requirements, the utilisation of laboratory facilities, and the effectiveness of learning delivery to students.

3.0 IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING

Effective from **Semester I, Academic Session 2026/2027**, the implementation of Teaching and Learning (T&L) shall be as follows:

3.1 Lecture Sessions

All lecture sessions shall be conducted physically on campus through face-to-face teaching and learning from Monday to Friday. Nevertheless, lecturers may adopt appropriate teaching and learning arrangements based on the nature and requirements of the course, subject to the Blended Learning Substitution guidelines prescribed by the University

3.2 Laboratory Operations

All laboratories shall operate as usual. The implementation of the **Aturan Kerja Fleksibel (AKF)** is **not permitted for laboratory staff.**

3.3 Viva Voce Examination

For students who submit their theses **from 1 September 2026 onwards**, all **viva voce examinations shall be conducted physically through face-to-face** for the candidate, supervisor(s), Chairperson and Internal Examiner(s). The External Examiner shall participate **online**. Should the physical attendance of the External Examiner be required, an application for approval shall be submitted to the Dean for consideration and approval. Students who require their viva voce examination to be conducted fully online may submit an application to their respective Faculty for consideration.

3.4 Faculty Operational Management

Faculty operations shall continue as normal. The implementation of the **Aturan Kerja Fleksibel (AKF)** is as permitted, namely on **Tuesdays** and **Thursdays**, subject to the nature of duties and the approval of the respective Head of Responsibility Centre (PTJ).

4.0 CONCLUSION

The University believes that the successful implementation of these enhanced operational measures depends on the cooperation and commitment of the entire University community in promoting prudent energy consumption without compromising academic excellence. This initiative represents the University's collective effort in supporting the campus sustainability agenda while ensuring that the delivery of Teaching and Learning (T&L) remains effective, flexible and of high quality.

Your attention and cooperation in implementing this Circular are greatly appreciated.

Thank you.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

I, who uphold trust,



(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Deputy Vice Chancellor (Academic and International)
Universiti Teknologi Malaysia